

Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (*Malay Language Education Journal – MyLEJ*)

PEMBELAJARAN ABAD KE-21 DAN PENGARUHNYA TERHADAP SIKAP, MOTIVASI DAN PENCAPAIAN BAHASA MELAYU PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

(*21th Century Learning and the Influence of Attitude, Motivation, and Achievements
Malay Language Secondary School Student*)

AINUN RAHMAH IBERAHIM
Universiti Kebangsaan Malaysia
ainunzifah@gmail.com

ZAMRI MAHAMOD
Universiti Kebangsaan Malaysia
d-zam@ukm.edu.my

WAN MUNA RUZANNA
WAN MOHAMAD
Universiti Kebangsaan Malaysia
munaruzanna@ukm.edu.my

Dihantar pada:
13 Mei 2017

Diterima pada:
06 Oktober 2017

Koresponden:
d-zam@ukm.edu.my

Abstrak: Kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh pembelajaran abad ke-21 terhadap sikap, motivasi, dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Kemahiran abad ke-21 merupakan kemahiran pembelajaran yang penting dan sangat diperlukan oleh pelajar untuk berdaya saing pada abad ini. Kemahiran abad ke-21 dapat dikaitkan dengan pelbagai elemen yang diperlukan pada zaman teknologi ini, iaitu meliputi kemahiran berkomunikasi, kemahiran sains dan teknologi, kemahiran berfikir, kemahiran interpersonal, kemahiran intrapersonal, kemahiran 3M (membaca, mengira dan menulis), dan sebagainya. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Seramai 277 orang pelajar tingkatan empat aliran Sains dan Sastera daripada tiga buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Tanah Merah, Kelantan dipilih sebagai sampel kajian. Sampel kajian dipilih secara rawak mudah. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif, iaitu min dan sisihan piawai untuk melihat pengaruh pembelajaran abad ke-21 terhadap tahap sikap, motivasi, dan pencapaian pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengaruh pembelajaran abad ke-21 banyak memberi kesan positif kepada sikap, motivasi, pencapaian pelajar ketika mempelajari Bahasa Melayu. Implikasi kajian ialah pembelajaran abad ke-21 memberi kesan positif kepada sikap dan motivasi pelajar seterusnya meningkatkan pencapaian mereka dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Kata kunci: Sikap, motivasi, pencapaian pelajar, pembelajaran abad ke-21, pembelajaran Bahasa Melayu

Abstract: This study aims to identify the influence of 21st century learning on attitudes, motivations, and achievement of students in Malay Language learning. The 21st century skills are essential and essential learning skills for students to be competitive in this century. The 21st century skills can be attributed to the various elements needed in this technology era, which include communication skills, science and technology skills, thinking skills, interpersonal skills, intrapersonal skills, 3M skills (reading, calculating and writing), and so on. This survey was conducted using questionnaire as a research instrument. A total of 277 form four Science and Literature students from three national secondary schools in Tanah Merah district, Kelantan were selected as the sample of the study. The sample was chosen randomly. The data were analyzed using descriptive analysis, mean and standard deviation to see the impact of 21st century learning on attitudes, motivation, and student achievement. The findings show that the influence of 21st century learning has a positive effect on attitudes, motivations, and achievement of students in Malay Language learning. The implication of the study is that learning of the 21st century has a positive effect on students' attitudes and motivations, thus enhancing their achievement in Malay Language learning.

Keywords: Attitude, motivation, students achievement, 21st century learning, Malay Language learning

PENGENALAN

Kerajaan memerlukan tenaga kerja yang proaktif dalam menentukan pencapaian ekonomi yang tinggi. Tahap pencapaian ekonomi yang semakin mencabar memerlukan satu anjakan paradigma yang dapat membantu agar ekonomi negara menjadi semakin kukuh dan stabil seiring dengan negara maju. Oleh hal yang demikian, kerajaan perlulah melahirkan generasi yang membawa pembaharuan dan berdaya saing dalam pelbagai aspek terutama dalam bidang pendidikan, ekonomi, teknologi dan sebagainya. Kementerian Pelajaran Malaysia telah berusaha mewujudkan kemahiran abad ke-21 ke dalam semua mata pelajaran di sekolah termasuklah mata pelajaran Bahasa Melayu. Suhaidah (2011), usaha kerajaan dalam menyediakan tenaga kerja abad ke-21 juga dapat dilihat melalui projek Sekolah Pintar. Menurut Ramlee dan Abu (2004), matlamat kerajaan menubuhkan Sekolah Pintar kerana untuk melahirkan generasi Y negara yang kreatif, inovatif, dapat mengadaptasi teknologi terkini, mampu mengakses dan mengurus maklumat serta yang terakhir semestinya untuk menjadikan mereka tenaga kerja yang mempunyai daya saing yang produktiviti ekonomi negara.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu pencapaian dalam bidang pendidikan. Kurikulum sentiasa disemak, dipantau dan dikemas kini untuk memastikan ia sentiasa relevan dengan kehendak semasa. Menurut Azalya (2003), bagi menghadapi cabaran globalisasi, rakyat Malaysia perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran asas dalam bidang pendidikan serta latihan yang kukuh dan mempunyai pelbagai kemahiran umum termasuk kebolehan dalam berkomunikasi, menguasai pelbagai bahasa, berfikiran kritis dan berinovatif. Penekanan dalam menguasai kemahiran abad ke-21 dalam proses pembelajaran dan pemudah cara (PdPc) haruslah bermula dengan menerapkan konstruk kemahiran abad ke-21 dalam proses PdPc.

Oleh itu, kurikulum pendidikan termasuklah kurikulum Bahasa Melayu haruslah sentiasa mengikut peredaran zaman untuk memastikan pelajar yang dikeluarkan bukan sahaja mempunyai ilmu pengetahuan malah menguasai kemahiran abad ke-21 bagi menghadapi cabaran era globalisasi pada masa ini. Pendidikan yang

berkualiti dan cemerlang dalam pelbagai aspek termasuklah cemerlang dalam bidang kokurikulum menjadi matlamat utama dalam usaha melahirkan generasi alaf baru yang mampu menangani cabaran-cabaran abad ke-21 (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, KPM 2013).

Dasar dan polisi sentiasa disemak serta pembaharuan pendidikan direncanakan dan dilaksanakan bertujuan untuk memantapkan proses dan pengendalian dalam PdPc di sekolah. Peranan guru dalam usaha melaksanakan dasar pendidikan negara dengan berkesan ke arah melahirkan modal insan kelas pertama yang berprestasi tinggi seiring dengan negara maju sememangnya tidak dapat dinafikan. Masyarakat memberi harapan yang besar kepada guru untuk mendidik serta mengembangkan potensi pelajar sejajar dengan matlamat pendidikan yang telah ditetapkan oleh KPM. Noraini (2010), guru dianggap mempunyai kompetensi tertentu untuk mengembangkan kemahiran, bakat, potensi dan pengetahuan pelajar dalam pelbagai bentuk.

Selain itu, pencapaian murid sentiasa menjadi ukuran kepada keberhasilan proses pembelajaran yang dialami murid dalam bilik darjah. Hal ini kerana PdPc yang bermakna sangat membantu murid meningkatkan minat serta motivasi mereka untuk mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat. Bagi mencapai aspirasi pendidikan negara, keberhasilan guru menjadi salah satu anjakan transformasi terkini. Menurut Zamri (2012), bentuk PdPc pada abad ke-21 masih tetap berpusatkan guru, akan tetapi guru memainkan peranan penting untuk melibatkan murid secara aktif dalam aktiviti pembelajaran di sekolah. PdPc menerusi kemahiran abad ke-21 sangat membantu guru dan pelajar dalam usaha mencapai aspirasi pendidikan negara.

Oleh itu, penerapan kemahiran abad ke-21 akan dapat membantu pelajar dalam mengharungi kehidupan yang penuh dengan cabaran globalisasi dengan lebih berkeyakinan dalam bidang pendidikan, malah dalam bidang kerjaya. Sikap, motivasi dan pencapaian sedikit sebanyak mampu mendorong pelajar untuk menguasai kemahiran abad ke-21 dengan lebih cepat dan mudah serta memberi kesan dalam jangka masa yang panjang merupakan satu hasil yang semestinya ditunggu-tunggu oleh negara dalam melahirkan masyarakat yang serba boleh dalam pelbagai bidang dan mampu berdaya saing dengan negara maju. Kajian

berkaitan PdPc berasaskan kemahiran abad ke-21 dalam bidang pendidikan telah banyak dilakukan oleh pengkaji (Masyuniza 2015), namun kajian yang menyeluruh berkaitan sikap, motivasi, pencapaian dan kemahiran abad ke-21 dalam PdPc Bahasa Melayu tidak banyak dilakukan.

Oleh itu, kajian yang dijalankan berfokus kepada sikap, motivasi, pencapaian pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dengan kemahiran abad ke-21 setelah guru menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam PdPc. Kajian ini diharap dapat membantu pelajar dan guru dalam menghadapi cabaran di sekolah dalam menjayakan proses PdPc berasaskan kemahiran abad ke-21. Hal ini kerana, kemahiran abad ke-21 amat berguna dalam dunia globalisasi pada hari ini. Model *enGauge 21st Century Skills* (2003) oleh NCREL dan Materi Group dengan sedikit pengubah suaian agar selari dengan matlamat kurikulum Bahasa Melayu di Sekolah sebagai kayu ukur utama untuk meninjau sikap, motivasi, pencapaian dan kemahiran abad ke-21 pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu pelajar tingkatan empat dijadikan asas kajian.

ULASAN KEPUSTAKAAN

Terdapat banyak kajian berkenaan dengan PdPc berteraskan pembelajaran abad ke-21 tetapi tidak banyak kajian yang dilakukan untuk mengkaji sikap, motivasi dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran abad ke-21 dalam subjek Bahasa Melayu. Oleh itu, fokus utama kajian ini tertumpu kepada sikap, motivasi, dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran abad ke-21 yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai subjek wajib di sekolah. Masyarakat abad ke-21 merupakan masyarakat yang berorientasikan sains dan teknologi serta menggunakan prasarana teknologi maklumat terkini dalam kehidupan seharian (Zamri & Mohamed Amin 2005). Oleh hal yang demikian, sektor pendidikan juga turut menerima tempiasnya dalam kemajuan sains dan teknologi.

Sistem pendidikan di seluruh dunia telah banyak mengalami perubahan seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan dunia globalisasi ini. Perubahan-perubahan dalam pendidikan ini turut tercatat dalam dasar-dasar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia seperti dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK),

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013), Standard Guru Malaysia, dan sebagainya. Semua yang dihasratkan oleh KPM ini, semuanya bermatlamat untuk melahirkan modal insan kelas pertama, pelajar yang seimbang dalam pembelajaran dan kokurikulum, serta melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek (JERI) seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM 1992).

Menerusi kajian Rahim dan Sharifudin (2014) yang dijalankan terhadap pelajar Orang Asli menunjukkan bahawa majoriti mereka mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, kajian Hashimah, Junaini dan Zahari (2010) menyatakan bahawa pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap Bahasa Melayu. Zaliza dan Zaitul Azma Zainon (2013) telah menjalankan kajian terhadap pelajar asing tentang sikap mereka terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatan menunjukkan 78% sampel kajian bersikap positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu kerana ia dapat membantu pelajar untuk menyiapkan tugas mereka bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Mereka juga mendapati sampel kajian mereka mempunyai motivasi yang tinggi ketika mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga mereka. Faktor yang mendorong dan memotivasikan pelajar untuk mempelajari Bahasa Melayu adalah dengan menguasai Bahasa Melayu ianya dapat membantu pelajar tersebut untuk berkomunikasi dengan orang tempatan.

Di samping itu, faktor lain yang memotivasikan mereka ialah peranan yang dimainkan oleh tenaga pengajar. Kajian Nurazidawati (2011) mendapati bahawa kemahiran abad ke-21 mempunyai hubungan korelasi yang positif dengan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Kimia. Begitu juga dengan kajian Ng Lay Khuan (2011) menunjukkan bahawa hubungan sikap murid terhadap Biologi mempunyai korelasi yang positif dan signifikan. Kajian daripada Nurul Ain dan Azizi Yahaya (2012) memperoleh keputusan yang mana terdapat hubungan yang positif antara sikap dengan kemahiran abad ke-21. Selain itu juga, kajian daripada Nur Khaizatul Fateha dan Zamri (2016) mendapati terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara sikap dan motivasi pelajar dengan

kemahiran abad ke-21. Kajian ini juga mendapati motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah menerapkan kemahiran abad ke-21 pada keseluruhannya adalah berada pada tahap yang tinggi.

Di samping itu juga, kajian Jerie dan Zamri (2011) mendapati pelajar etnik Iban mempunyai sikap, motivasi dan pencapaian yang tinggi terhadap Bahasa Melayu apabila menerapkan penguasaan pembelajaran abad ke-21. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Abdullah (2004) mendapati pelajar etnik Dusun mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian mereka mendapati sampel kajian mempunyai motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Begitu juga, melalui kajian Chitra (2003) dan Zarina (2001) yang mana pelajar India dan pelajar Cina dalam sampel kajian mereka menunjukkan sikap yang positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dan mempunyai motivasi yang tinggi dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, dalam kajian yang dijalankan oleh Kamsiah (2000) terhadap pelajar Melayu di Singapura menunjukkan sikap pelajar adalah negatif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Pelajar juga mempunyai motivasi yang agak rendah terhadap pembelajaran Bahasa Melayu.

Kajian Mastura (2011) mendapati bahawa penguasaan pelajar terhadap literasi era digital dalam pembelajaran Bahasa Melayu abad ke-21 berada pada tahap yang tinggi. Beliau berpendapat bahawa pelajar sekarang mempunyai kesedaran terhadap kepentingan penguasaan literasi era digital pada abad ini dengan melalui penerapan kemahiran abad ke-21 dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, Abdul Shukor (2000) menyatakan bahawa penyelidikan yang telah dijalankan menunjukkan, menjelang 2020, pengetahuan baru akan digandakan setiap 73 hari. Hal ini bermakna, jika pelajar hanya belajar melalui buku teks sahaja yang berorientasikan peperiksaan tanpa ada pengetahuan tentang teknologi maka mereka akan kekurangan daya saing dan agak sukar menempuh cabaran pada masa akan datang.

Walaupun bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh Normala, Zaliha dan Mohamad (2005) mempunyai hasil dapatan yang berbeza, tetapi mereka mendapati tahap literasi komputer pelajar

sekolah menengah di negeri Kedah adalah sederhana tinggi dengan peratusan sebanyak 66.6%. Kajian yang dijalankan oleh Masyuniza (2013) dan Ng Lay Khuan (2011) berkaitan literasi era digital juga berada pada tahap yang sederhana. Hal ini menyebabkan banyak pihak terutama kerajaan yang berusaha untuk melahirkan generasi yang celik teknologi maklumat turut merasa bimbang. Jika tahap literasi komputer berada pada tahap kurang daripada 50% bermakna masih ramai pelajar yang menghadapi masalah atau buta komputer (Masyuniza 2013).

Selain itu, menerusi kajian Faezah dan Saemah (2011), proses PdPc yang berlaku tanpa mempunyai aspek kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis akan menyebabkan PdPc tersebut tidak efektif. Walau bagaimanapun, berfikir secara kreatif dan kritis bergantung juga kepada kecerdasan pelajar tersebut. Selain itu, PdPc yang berpusatkan guru menyebabkan murid tidak mempunyai kemahiran untuk membuat keputusan sendiri dan hal ini tidak menggalakkan mereka untuk berfikir secara kreatif dan kritis (Masyuniza 2013). Berbeza pula dengan pelajar yang mampu berfikir secara kritis dan dapat menyelesaikan masalah dan menangani cabaran dengan kreatif. Buckley dan Smith (2008), menyatakan bahawa untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam menyelesaikan masalah, penggunaan simulasi multimedia semasa proses PdPc perlu ditekankan. Penggunaan ini juga dapat membantu dan menambah teknik pembelajaran pelajar menjadi lebih menarik.

Kajian oleh Nurul Ain (2013) mendapati bahawa sampel kajiannya mempunyai pemikiran inteventif pada tahap sederhana tinggi. Menurutnya pelajar tidak berupaya untuk bersikap positif terhadap masalah yang sukar, mereka tidak dapat menyesuaikan idea dengan keadaan semasa, sukar untuk berfikir pelbagai kaedah untuk menyelesaikan masalah dan menetapkan matlamat dalam pembelajaran, bermasalah dalam merancang strategi dalam pembelajaran Kesusasteraan Melayu dan kurang berkeyakinan untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi. Beliau berpendapat bahawa hal ini kerana pelajar sudah biasa bergantung kepada guru semasa membuat keputusan dalam aktiviti PdPc di sekolah.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau sejauh mana sikap, motivasi dan pencapaian dalam

pembelajaran Bahasa Melayu dapat mempengaruhi kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar tingkatan empat. Kebanyakan kajian menghuraikan berkenaan tahap PdPc dalam berteraskan kemahiran abad ke-21, tetapi tidak banyak kajian yang dilakukan untuk mengkaji sikap, motivasi dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran abad ke-21 dalam subjek Bahasa Melayu.

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat tiga objektif dalam kajian yang hendak dicapai, iaitu:

1. Tahap sikap pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah diterapkan kemahiran abad ke-21.
2. Tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah diterapkan kemahiran abad ke-21.
3. Tahap pencapaian pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah menerapkan kemahiran abad ke-21.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian merupakan aspek perancangan yang sangat penting dalam menjalankan sesuatu penyelidikan. Reka bentuk kajian yang dipilih dan digunakan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan berbentuk deskriptif. Pengkaji menjalankan tinjauan ke atas sampel atau keseluruhan populasi untuk menggambarkan sikap, pendapat, tingkah laku, atau ciri-ciri dalam populasi tersebut.

Sampel diambil bertujuan untuk memberikan informasi yang cukup supaya dapatan dapat menggambarkan jumlah populasinya. Pengkaji memilih sekolah menengah di daerah Tanah Merah kerana lokasi ini berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji. Oleh itu, hal ini bertepatan dengan faktor kewangan, keterbatasan masa dan juga tenaga. Berdasarkan jumlah populasi di kawasan kajian yang dijalankan, saiz sampel adalah ditentukan dengan merujuk kepada jadual penentu saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Menurut Krejcie dan Morgan (1970), jika populasi berjumlah 1100 orang, maka sampel sekurang-kurangnya 285 orang. Walau bagaimanapun, pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada 300 orang pelajar, iaitu melebihi jumlah populasi untuk menguatkan lagi dapatan kajian. Namun

begitu, daripada 300 soal selidik yang diedarkan, pengkaji hanya menerima 277 soal selidik sahaja. Aras signifikan yang ditetapkan dalam kajian ini adalah $\alpha = 0.05$.

Bagi memudahkan proses pemerolehan data untuk kajian ini, instrumen soal selidik telah dipilih. Soal selidik diadaptasi daripada kajian Nur Khazinatul Fateha (2017). Setelah dibuat kajian rintis, nilai alpha Cronbach yang diperoleh ialah 0.098. Hal ini bermakna item soal selidik ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Semua data yang dikumpulkan telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For The Social Science* (SPSS) versi 20.0. Analisis deskriptif telah digunakan bagi mengenal pasti taburan kekerapan, sisihan piawai, dan purata bagi kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan 277 orang pelajar di tiga buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Tanah Merah, Kelantan yang terdiri daripada pelajar aliran sains dan sastera. Soal selidik diedarkan kepada dua buah kelas aliran Sains dan sebuah kelas aliran Sastera bagi setiap sekolah. Jadual 1 menunjukkan gred yang diperoleh oleh pelajar di tiga buah sekolah, iaitu seramai 133 orang iaitu (48.0%) orang pelajar lelaki dan perempuan mendapat gred A, 131 orang iaitu (47.3%) mendapat gred B, dan seramai 13 orang iaitu (4.7%) sahaja yang mendapat gred C. Gred A dan B diperoleh daripada pelajar aliran Sains dan Sastera, manakala gred C pula hanya diperoleh oleh pelajar aliran Sastera sahaja. Jumlah keseluruhan sampel adalah 277 orang yang mengambil subjek Bahasa Melayu tingkatan empat.

Jadual 1: Profil demografi dan pencapaian sampel kajian

Kategori		Jumlah N	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	122	44.0
	Perempuan	155	56.0
Gred Bahasa Melayu	A	133	48.0
	B	131	47.3
	C	13	4.7
Aliran Kelas	Sains	186	61.7
	Sastera	91	32.9

Tahap Sikap Pelajar terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Setelah Diajar Kemahiran Abad Ke-21

Hasil kajian mendapati bahawa tahap sikap pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah diterapkan kemahiran abad ke-21 pada keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi. Berdasarkan Jadual 2, analisis data kajian menunjukkan dua item memberikan interpretasi min yang sangat tinggi dan 12 item memberikan interpretasi min yang tinggi berkenaan sikap pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah diterapkan kemahiran abad ke-21 dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Item 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 9, 11, 12, 13, 14, 15 dan 16 memberikan skor min antara 4.274 hingga 4.379 yang menunjukkan sikap pelajar pada item-item berkenaan berada pada tahap tinggi. Item 8 dan 10 masing-masing memberikan skor min 4.41 dan 4.44, yang menunjukkan sikap pelajar bagi kedua-dua item ini berada pada tahap yang sangat tinggi. Sikap pelajar pada item 8 ialah min = 4.41, sp = .494, manakala item 10 pula ialah min = 4.44, sp = .497.

Jadual 2: Tahap sikap pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah diterapkan kemahiran abad ke-21

9	Guru Bahasa Melayu saya selalu memberi peluang kepada saya untuk berfikir dan memberi pendapat.	4.35	.477	Tinggi
10	Guru Bahasa Melayu sentiasa memberi maklumat tentang kerjaya dalam bidang Bahasa Melayu.	4.44	.497	Sangat Tinggi
11	Bahasa Melayu menyediakan saya untuk menghadapi cabaran teknologi abad ke-21.	4.36	.481	Tinggi
12	Saya rasa ilmu Bahasa Melayu penting untuk memartabatkan bahasa Melayu pada tahap yang lebih tinggi.	4.32	.467	Tinggi
13	Saya bekerjasama dengan ahli kumpulan dalam semua keadaan semasa pembelajaran Bahasa Melayu.	4.33	.473	Tinggi
14	Saya berkongsi idea dan maklumat dengan kumpulan lain mengenai pembelajaran Bahasa Melayu.	4.30	.460	Tinggi
15	Saya akan mengemukakan idea baru kepada kawan berkaitan tugas Bahasa Melayu.	4.27	.448	Tinggi
16	Saya membuat refleksi terhadap proses perancangan tugas Bahasa Melayu yang diberi sehingga proses menyiapkan tugas tersebut.	4.37	.486	Tinggi
Min Keseluruhan		4.37	.473	Sangat Tinggi

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Interpretasi
1	Ilmu Bahasa Melayu berguna kepada saya.	4.34	.474	Tinggi
2	Saya seronok belajar Bahasa Melayu	4.27	.447	Tinggi
3	Saya selalu memberi perhatian semasa pembelajaran Bahasa Melayu.	4.37	.484	Tinggi
4	Saya selalu menyiapkan tugas Bahasa Melayu.	4.34	.475	Tinggi
5	Saya rasa pengajaran guru Bahasa Melayu membantu saya meningkatkan minat saya terhadap Bahasa Melayu.	4.27	.448	Tinggi
6	Saya rasa kebanyakan topik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian.	4.39	.489	Tinggi
7	Bahasa Melayu mengandungi aktiviti yang dapat menggalakkan pelajar meneroka dan menyelidik.	4.36	.483	Tinggi
8	Bahasa Melayu mengandungi aktiviti yang dapat menggalakkan pelajar untuk berfikir secara kritis dan kreatif.	4.41	.494	Sangat Tinggi

Tahap Motivasi Pelajar terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Setelah Diterapkan Kemahiran Abad Ke-21

Hasil kajian mendapati bahawa tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah diterapkan kemahiran abad ke-21 pada keseluruhannya adalah berada pada tahap yang tinggi. Berdasarkan Jadual 3, analisis menunjukkan dua item yang memberikan interpretasi min yang sangat tinggi dan 14 item memberikan interpretasi min yang tinggi berkenaan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah diterapkan kemahiran abad ke-21 dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Item 1, 2, 3, 4, 5, 7, 8, 9, 10, 11, 13 dan 14 memberikan skor min di antara 4.21 hingga 4.35 yang menunjukkan motivasi pelajar pada item-item berkenaan berada pada tahap tinggi. Item 6 dan 12 menunjukkan interpretasi min sangat tinggi. Kedua-dua item ini menunjukkan nilai min yang sama, iaitu 4.36 dan nilai sisihan piawai .481.

Jadual 3: Tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah diterapkan kemahiran abad ke-21

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Interpretasi			
					15	kumpulan untuk meningkatkan kefahaman dan minat mereka terhadap pembelajaran Bahasa Melayu	
					16	Saya bertindak sebagai pemimpin dan pengikut pada masa sama dalam menyiapkan tugas Bahasa Melayu	4.28 .452 Tinggi
1	Saya berminat dalam mempelajari teknik dan kemahiran baru dalam pembelajaran Bahasa Melayu	4.35	.477	Tinggi	16	Saya menyiapkan tugas Bahasa Melayu dalam tempoh masa yang ditetapkan.	4.23 .426 Tinggi
2	Saya tidak merasa malu untuk bertanya guru semasa pembelajaran Bahasa Melayu walaupun terdapat kesalahan yang saya lakukan	4.33	.474	Tinggi	Min Keseluruhan 4.29 .456 Tinggi		
3	Saya selalu mendapat galakan dan dorongan daripada guru dalam pembelajaran Bahasa Melayu	4.27	.445	Tinggi	Tahap Pencapaian Pelajar terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Setelah Diterapkan Kemahiran Abad Ke-21		
4	Saya merasa gembira apabila dapat menyelesaikan tugas dalam aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu	4.33	.473	Tinggi	Hasil kajian mendapati bahawa tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu berada pada tahap yang agak memuaskan atau melebihi sasaran sekolah setelah guru Bahasa Melayu menerapkan kemahiran abad ke-21. Data yang diperoleh secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.		
5	Penguasaan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu membuatkan rakan-rakan senang untuk berdamping dengan saya untuk bertanya	4.28	.454	Tinggi	Berdasarkan Jadual 4, analisis menunjukkan item yang keempat memberikan interpretasi min yang sangat tinggi dan lima item memberikan interpretasi min yang tinggi berkenaan tahap pencapaian pelajar Bahasa Melayu selepas menerapkan konstruk pembelajaran abad ke-21. Item 1, 2, 3, 5 dan 6 memberikan skor min antara 4.44 hingga 4.54 yang menunjukkan motivasi pelajar pada item-item berkenaan berada pada tahap tinggi. Item 4 menunjukkan interpretasi min sangat tinggi, iaitu min = 4.55, sp = .497.		
6	Saya berusaha menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu untuk mendapat perhatian rakan dan guru	4.36	.481	Tinggi	Rumusannya, pencapaian pelajar dalam Bahasa Melayu setelah diterapkan kemahiran abad ke-21 oleh guru Bahasa Melayu adalah sangat tinggi. Hal ini bermakna kemahiran abad ke-21 amat berkesan dalam mempengaruhi pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kemahiran abad ke-21 membantu meningkatkan pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar.		
7	Kemudahan-kemudahan peralatan yang digunakan dalam pembelajaran meningkatkan minat saya untuk belajar bahasa Melayu	4.28	.454	Tinggi			
8	Saya sering melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu untuk meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu	4.33	.473	Sangat Tinggi			
9	Saya akan bersikap positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu walaupun sukar dan di luar jangkaan saya	4.21	.412	Tinggi			
10	Saya akan menyesuaikan idea asal mengikut perubahan semasa dalam pembelajaran Bahasa Melayu	4.27	.445	Sangat Tinggi			
11	Saya selalu berfikir daripada pelbagai perspektif dalam menyelesaikan isu-isu mengenai Bahasa Melayu.	4.31	.464	Tinggi			
12	Saya menetapkan matlamat dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	4.36	.481	Tinggi			
13	Saya merancang strategi pembelajaran Bahasa Melayu.	4.28	.452	Tinggi			
14	Saya akan membantu ahli	4.24	.433	Tinggi			

Jadual 4: Tahap pencapaian pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah diterapkan kemahiran abad ke-21

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Interpretasi
1	Saya sering bertanya guru semasa pembelajaran Bahasa Melayu untuk menguasai mata pelajaran tersebut dengan baik.	4.52	.500	Tinggi
2	Saya percaya keupayaan diri dalam mencapai keputusan cemerlang dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	4.54	.498	Tinggi
3	Saya memantau pencapaian dalam peperiksaan Bahasa Melayu.	4.44	.497	Tinggi
4	Keluarga dan rakan sering mendorong saya untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam Bahasa Melayu.	4.46	.499	Tinggi
5	Saya mempunyai matlamat yang jelas dalam kehidupan untuk mencapai kecemerlangan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.	4.55	.497	Sangat Tinggi
6	Penghargaan yang diberikan kepada saya menggalakkan saya lebih gigih dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	4.51	.500	Tinggi
Min Keseluruhan		4.50	.498	Sangat Tinggi

PERBINCANGAN

Sikap Pelajar, Pembelajaran Bahasa Melayu dan Kemahiran Abad Ke-21

Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa interpretasi min bagi sikap pelajar tingkatan empat terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah diterapkan kemahiran abad ke-21 secara keseluruhannya adalah tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar merasakan ilmu Bahasa Melayu berguna kepada mereka. Pelajar juga merasakan kebanyakan topik dan sub-topik dalam subjek Bahasa Melayu dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka. Di samping itu, ilmu daripada pengajian Bahasa Melayu dapat membantu memartabatkan bahasa Melayu di tahap yang lebih tinggi. Kebanyakan pelajar juga merasa seronok dalam mempelajari ilmu Bahasa Melayu kerana pengajaran dari guru itu sendiri membantu mereka dalam meningkatkan minat mereka terhadap Bahasa Melayu.

Selain itu, mata pelajaran Bahasa Melayu mengandungi aktiviti yang dapat menggalakkan pelajar untuk berfikir secara kritis dan kreatif serta menggalakkan mereka untuk meneroka dan menyelidik bersama guru dan kumpulan. Pelajar juga bekerjasama dengan ahli kumpulan dalam semua keadaan semasa pembelajaran berlangsung. Mereka selalu berkongsi idea dan maklumat dengan kumpulan lain mengenai pembelajaran Bahasa Melayu. Kebanyakan pelajar selalu menyiapkan tugas Bahasa Melayu yang diberikan kepada mereka dan mereka juga memberi perhatian semasa aktiviti PdPc berlangsung di dalam kelas. Guru Bahasa Melayu juga sering memberi peluang kepada mereka untuk berfikir dan memberi pendapat serta idea yang bernas dalam sesuatu hal dalam aktiviti PdPc dan mereka merasakan mata pelajaran ini menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran teknologi abad ke-21 seiring dengan mereka yang sentiasa menerima maklumat tentang kerjaya mereka dalam bidang bahasa Melayu melalui guru mereka.

Dapatan ini disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Jerie dan Zamri (2011). Dapatan mereka menunjukkan bahawa sampel kajian mempunyai sikap yang positif dalam mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas. Dapatan ini turut disokong oleh kajian daripada Abdullah (2004). Kajian beliau mendapati sampel kajian mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian yang dijalankan oleh beliau terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu sikap murid terhadap penutur bahasa Melayu, minat terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dan sikap integratif menunjukkan tahap yang positif.

Di samping itu, Zaliza dan Zaitul Azma Zainon (2013) telah menjalankan kajian terhadap pelajar asing tentang sikap mereka terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatan menunjukkan 78% sampel kajian bersikap positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu kerana ia dapat membantu pelajar untuk menyiapkan tugas Bahasa Melayu mereka.

Kajian oleh Rahim dan Sharifudin (2014) yang menjalankan kajian terhadap pelajar orang asli juga menunjukkan majoriti mereka juga mempunyai sikap yang positif terhadap Bahasa Melayu. Dapatan kajian daripada Nor Hashimah, Junaini dan Zaharani (2010) memperoleh dapatan yang sama iaitu sampel kajian mempunyai sikap

yang positif terhadap Bahasa Melayu. Begitu juga dapatan yang diperoleh daripada Chithra (2003) dan Kamariah Ayu (2015) yang mana pelajar India dan pelajar China dalam sampel kajian mereka juga menunjukkan sikap yang positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, dalam kajian yang dijalankan oleh Kamsiah (2010) terhadap pelajar Melayu di Singapura, dapatan menunjukkan sikap pelajar yang dijadikan sebagai sampel kajian adalah negatif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu.

Rumusannya, sikap pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu yang diterapkan kemahiran abad ke-21 adalah sangat tinggi. Hal ini bermakna kemahiran abad ke-21 memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran pelajar. Mereka berasa seronok guru menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam PdPc Bahasa Melayu di dalam bilik darjah.

Motivasi Pelajar, Pembelajaran Bahasa Melayu dan Kemahiran Abad Ke-21

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, didapati bahawa interpretasi min bagi tahap motivasi pelajar tingkatan empat di sekolah menengah di daerah Tanah Merah, Kelantan terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah diterapkan kemahiran abad ke-21 secara keseluruhannya adalah tinggi. Hal ini kerana, motivasi yang tinggi secara tidak langsung mendorong para pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas. Secara tidak langsung akan meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata ini.

Mereka juga aktif dan sering bertanya akan guru semasa aktiviti PdPc berlangsung untuk menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu dengan baik. Dapatan menunjukkan bahawa apabila para pelajar mempunyai motivasi yang tinggi, maka mereka akan berminat dalam mempelajari teknik dan kemahiran baru serta merasa gembira apabila dapat menyelesaikan tugas Bahasa Melayu dengan baik. Pelajar selalu menetapkan matlamat pembelajaran Bahasa Melayu secara tidak langsung mereka juga merancang strategi dalam pembelajaran untuk memantapkan lagi daya ingatan mereka semasa dalam peperiksaan.

Para pelajar juga tidak merasa malu untuk bertanya guru semasa pembelajaran dilaksanakan walaupun terdapat kesalahan yang

pelajar lakukan. Di samping itu juga, mereka selalu mendapat galakan dan dorongan daripada guru, keluarga, dan rakan untuk belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam Bahasa Melayu. Tambahan pula, segala kemudahan peralatan yang digunakan dalam pembelajaran meningkatkan minat mereka untuk belajar dalam mata pelajaran tersebut. Penguasaan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu membuatkan rakan-rakan senang untuk berdamping dengan mereka untuk bertanyakan soalan dan belajar berkumpulan.

Dapatan ini disokong berdasarkan kajian oleh Jerie dan Zamri (2011) yang mendapati bahawa sampel kajian mempunyai tahap motivasi yang tinggi dalam mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, kajian daripada Chithra (2003) juga mendapati sampel kajian terhadap pelajar India menunjukkan sampel mempunyai motivasi yang tinggi dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Keputusan yang sama juga daripada dapatan kajian oleh Kamariah Ayu (2015) terhadap pelajar Cina. Beliau mendapati sampel kajian mempunyai motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu.

Di samping itu juga, kajian daripada Abdullah (2004) turut mendapati sampel kajian beliau mempunyai motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Jenis motivasi yang diperoleh seperti sikap pembelajaran Bahasa Melayu, keinginan untuk mempelajari Bahasa Melayu dan motivasi instrumental sampel berada pada tahap yang tinggi. Zaliza dan Zaitul Azma Zainon (2013) juga mendapati bahawa sampel kajian mempunyai motivasi yang tinggi ketika mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga mereka.

Faktor yang mendorong dan memotivasikan para pelajar untuk mempelajari ilmu bahasa Melayu adalah peranan yang dimainkan oleh tenaga pengajar itu sendiri. Faktor lain untuk menguasai bahasa Melayu yang dapat membantu pelajar tersebut adalah dengan berkomunikasi dengan orang tempatan. Namun begitu, hasil dapatan kajian yang diperoleh daripada kajian Kamsiah (2000) mendapati pelajar Melayu di Singapura mempunyai motivasi yang agak rendah terhadap pembelajaran Bahasa Melayu.

Rumusannya, tahap motivasi pelajar adalah tinggi setelah guru Bahasa Melayu menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam PdPc. Hal ini secara

tidak langsung meningkatkan motivasi mereka untuk terus belajar dan menguasai Bahasa Melayu dengan lebih baik.

Pencapaian Pelajar, Pembelajaran Bahasa Melayu dan Kemahiran Abad ke-21

Tahap pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu setelah menerapkan pembelajaran yang berteraskan kemahiran abad ke-21 berada pada tahap yang tinggi. Kebanyakan pelajar mendapat gred A dan B dalam keputusan peperiksaan. Terdapat juga pelajar mendapat gred C. Pelajar yang mendapat gred C dalam peperiksaan Bahasa Melayu kebanyakannya adalah pelajar yang berada dalam kelas aliran sastera. Hal ini disebabkan oleh pelajar sering bertanya guru semasa aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas untuk menguasai mata pelajaran tersebut dengan baik.

Malah pelajar juga berfikir secara positif kerana mereka percaya tentang keupayaan diri untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam Bahasa Melayu. Mereka juga selalu memantau pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu yang diperolehi dalam peperiksaan penggal di sekolah. Selain itu, keluarga, rakan dan guru sering mendorong untuk pelajar belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di samping penghargaan yang diberikan menggalakkan lagi pelajar untuk berusaha dengan lebih gigih dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Dapatan ini disokong oleh Jerie dan Zamri (2011) yang menunjukkan peratusan yang tinggi, iaitu melebihi 80.0%. Item yang menunjukkan peratusan yang tinggi iaitu '*Menguasai Bahasa Melayu membantu saya mendapatkan keputusan ujian yang baik*' (86.8%). Kajian oleh Mokhtar Ishak dan Rohani Ahmad (2001) dalam melihat hubungan pencapaian penyelesaian matematik dengan gaya belajar pelajar. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa gaya belajar mempengaruhi pencapaian penyelesaian matematik pelajar.

Sementara itu, kajian yang hampir sama turut dijalankan oleh Azrul Mahfudz dan Saifuddin Semail (2010) yang telah melihat gaya pembelajaran dan motivasi pelajar semester satu dalam modul matematik kejuruteraan. Gaya pembelajaran, dorongan daripada keluarga, guru,

dan rakan banyak mempengaruhi tahap pencapaian di dalam kelas.

IMPLIKASI KAJIAN

Kemahiran abad ke-21 bukanlah satu konstruk yang susah untuk diterapkan dalam pembelajaran di sekolah. Salah satu konstruk yang ditekankan dalam pembelajaran di sekolah pada abad ini adalah penggunaan teknologi. Hal ini demikian kerana penggunaan teknologi dalam PdPc memberi peluang kepada pelajar untuk mengasah kepelbagaian kemahiran seperti kemahiran komunikasi, kemahiran kerja berkumpulan, kemahiran pemikiran kritis, kemahiran penyelesaian masalah dan sebagainya. Kemahiran ini dapat membantu para pelajar sewaktu PdPc di dalam kelas serta dapat diterapkan juga di alam pekerjaan nanti. Pelaksanaan kemahiran abad ke-21 dalam pembelajaran Bahasa Melayu bukan sahaja memberi kepentingan kepada pelajar malah turut memberi impak yang positif kepada tenaga pengajar seperti guru.

Kemahiran abad ke-21 amat penting dalam konteks pendidikan. Hal ini demikian kerana, teknologi pada zaman ini diperlukan bagi setiap pelajar mahupun guru untuk melaksanakan tugas-tugas yang diberikan. Oleh itu dicadangkan agar kajian lanjutan yang serupa turut dijalankan di sekolah-sekolah yang pelajarannya berbeza latar belakang iaitu yang tergolong dari pelajar Cina, India, Melayu dan kaum-kaum lain.

Kajian akan datang akan lebih bermakna sekiranya ia dapat digabungkan dengan kepelbagaian status pelajar iaitu pelajar luar bandar, pelajar bandar, pelajar status ekonomi rendah, sederhana, dan tinggi. Apabila hal ini diambil kira dan menggabungkan reka bentuk kuantitatif dan kualitatif bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam tentang sejauh mana tahap keberkesanan penerapan kemahiran abad ke-21 untuk pelajar yang mengambil subjek Bahasa Melayu di mana tidak dapat dicakupi untuk kajian terdahulu. Kajian ini hanya melibatkan pelajar tingkatan empat di tiga buah sekolah sahaja.

KESIMPULAN

Pendidikan merupakan nadi pembangunan untuk masyarakat dan juga negara. Tanpa sistem pendidikan yang terancang, maka bolehlah

dianggap negara itu telah gagal dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk memartabatkan sistem pendidikan yang berkualiti. Pendidikan yang berkualiti dan cemerlang merupakan usaha dalam membangunkan generasi alaf baharu. Kepelbagaian teknik dan pengajaran guru sangat penting untuk melahirkan para pelajar yang cemerlang daripada pelbagai bidang terutama bidang pembelajaran dan insaniah. Para pelajar akan merasa bosan sekiranya kaedah dan cara pengajaran guru yang tidak pelbagai. Oleh yang demikian, pengetahuan tentang kemahiran abad ke-21 penting untuk guru dan pelajar untuk supaya dapat menguasai aktiviti pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas dalam keadaan yang tidak bosan dan menyeronokkan.

Kajian ini dijalankan untuk meninjau sejauh mana sikap, motivasi, dan pencapaian dalam pembelajaran Bahasa Melayu dapat mempengaruhi kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar menengah atas, iaitu pelajar tingkatan empat. Sikap murid, motivasi dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa murid bersikap positif dengan penerapan konstruk kemahiran abad ke-21.

Selain itu, guru dan pelajar dapat mengenal pasti tahap kelemahan dan kekurangan terhadap penguasaan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar dengan melihat tahap sikap, motivasi dan tahap pencapaian. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu guru untuk merancang kaedah pengajaran yang lebih kreatif dan inovatif, menarik serta mempunyai ciri-ciri pembelajaran abad ke-21 seperti yang ditekankan oleh KPM.

Oleh itu, perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran perlu menitikberatkan penguasaan kemahiran abad ke-21 dengan mengadakan lebih banyak aktiviti yang berpusatkan murid dan mendedahkan mereka dengan kehendak global pada masa kini, di samping meningkatkan kemahiran insaniah pelajar untuk menghadapi cabaran dalam dunia sebenar tidak kira dunia pekerjaan mahu pun hal-hal yang berkaitan dengan kemasyarakatan dan komuniti.

RUJUKAN

Abdul Shukor. 2000. Development of a learning and thinking society. *Prosiding Persidangan*

Pengajaran dan Pembelajaran Kebangsaan 2000, 1-16.

- Abdul Rahim Abu & Mohd Sharifudin Yusop. 2014. Sikap kanak-kanak Orang Asli di bandar raya Kuala Lumpur terhadap penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (2) Nov.: 57-66.
- Azalya Ayob. 2003. Kepentingan kemahiran generik di kalangan pekerja di industri elektrik dan elektronik di Bayan Lepas, Pulau Pinang. Projek Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azrul Mahfurdz & Saifuddin Semail. 2009. Hubungan gaya pembelajaran, motivasi dan pencapaian pelajar semester satu dalam Modul Matematik Kejuruteraan. *Jurnal Digest Politeknik & Kolej Komuniti Zon Sarawak*.
- Chithra a/p Raju. 2003. Sikap dan motivasi pelajar India dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Bahasa Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Jerie anak Peter Langan & Zamri Mahamod. 2011. Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1) Mei: 13-24.
- Creswell, J.W. 2009. *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. Third Edition. London: Sage Publications. Inc.
- Kamiliah Ayu Ab. Ghani. 2015. Strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Bahasa Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1992. *Falsafah pendidikan kebangsaan*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2006. *Pelan induk pembangunan pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Krejcie, R.V & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Education*

- abd Psychological Measurement*, 30: 607-610.
- Masyuniza Yunos. 2015. Hubungan sikap dan persepsi murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dengan kemahiran abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (2) Nov.: 22-30.
- Mokhtar Ishak & Rohani Ahmad. 2001. Hubungan pencapaian penyelesaian masalah matematik dengan gaya belajar dan faktor-faktor berkaitan di kalangan pelajar sekolah menengah rendah. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Sains dan Matematik Sarawak 2001*. Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ng Lay Khuan. 2010. Sikap dan persepsi pelajar tingkatan empat terhadap mata pelajaran Kimia serta kesepadannya dengan kemahiran abad ke-21. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noraini Idris. 2010. *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education
- Normala Ismail, Zalikha Hussin & Mohamad Kamil Ariff Khalid. 2005. Komputer pelajar: Tahap literasi komputer pelajar sekolah menengah Di Kedah. *Jurnal Pendidikan*, 30: 129-139.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Zaharani Ahmad. 2010. Sosiokognitif pelajar remaja terhadap Bahasa Melayu. *Gema Online Journal of Language Studies*, 10 (3): 67-87.
- Nurazidawati Mohamad Arsad. 2011. Penyelesaian kemahiran-kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran Biologi. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Khazinatul Fateha Kamarruddin & Zamri Mahamod. 2016. Sikap, motivasi dan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar Bahasa Melayu. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Pendidikan Kesusasteraan Melayu Kali Kelima, 2016*, 373-392.
- Nur Suhaidah Sukor. 2011. Kesediaan murid menghadapi pembelajaran dan kemahiran kimia abad ke-21. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Ain Hamsari & Azizi Yahaya. 2012. Peranan motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap dengan pencapaian akademik. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 5.
- Ramlee Mustapha & Abu Abdullah. 2004. Malaysia transitions toward a knowledge-based economy. *The Journal of Technology Studies, Education*, (3): 51-62. <http://www.fep.um.edu.my.html> (17 November 2016).
- Saemah Rahman & John Arul Philips. 2006. Hubungan antara kesedaran metakognisi, motivasi dan pencapaian pelajar universiti. *Jurnal Pendidikan*, 31: 21-39.
- Tuan Mastura Tuan Soh. 2011. Persepsi pelajar tingkatan empat terhadap mata pelajaran Fizik serta hubungannya dengan kemahiran abad ke-21. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- The Denver Post. 2007. *21st century skills*, http://www.denverpost.com/opinion/ci_5868241 (17 November 2016).
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2014. Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu, *Procedia-Social And Behavioral Sciences*, 134 (2014): 408-415.
- Zamri Mahamod. 2012. *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. 2005. Penggunaan strategi pembelajaran bahasa untuk menguasai kemahiran membaca. *Jurnal Teknologi*, 42 (E): 1-18.